



KENYATAAN MEDIA

SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

04 Syawal 1441 / 27 Mei 2020

1. Pada hari ini, 04 Syawal 1441 bersamaan 27 Mei 2020, dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'ala dan dengan rasa dukacita, Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai mengenai kes kedua yang telah kembali ke rahmatullah akibat COVID-19 di negara ini.
2. Allahyarham ialah seorang lelaki tempatan berumur 56 tahun yang merupakan kes ke 94 COVID-19 di Negara Brunei Darussalam. Allahyarham telah kembali ke rahmatullah di Pusat Pengasingan Kebangsaan pada hari Rabu, 27 Mei 2020 pada jam 7.30 pagi. Allahyarham telah menjalani rawatan di Pusat tersebut sejak disahkan dijangkiti COVID-19 pada 24 Mac 2020. Allahyarham telah mula mengalami tanda-tanda jangkitan pada 22 Mac 2020 dan telah dimasukkan ke Unit Rawatan Intensif di Pusat berkenaan pada 25 Mac 2020.

3. Sehubungan dengan ini, demi menjaga dan menghormati privasi serta *confidentiality* keluarga Allahyarham, Kementerian Kesihatan tidak akan mengongsikan butiran peribadi Allahyarham. Orang ramai juga dipohonkan untuk sama-sama menghormati dan tidak menyebarkan maklumat-maklumat berkaitan dengan Allahyarham serta keluarga beliau.

4. Di kesempatan ini, saya mewakili warga Kementerian Kesihatan dan keseluruhan rakyat Negara Brunei Darussalam mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham dan berdoa semoga rohnya dicucuri rahmat dan ditempatkan bersama-sama para salehin. **Al-Fatihah.**

5. Seterusnya, Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini juga Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'Ala jua, **tidak ada kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 141 orang.**

6. Sementara itu, **tidak ada kes** telah disahkan sembuh dari COVID-19 pada hari ini, menjadikan **jumlah keseluruhan yang telah sembuh kekal seramai 137 orang.** Oleh yang demikian, jumlah kes aktif yang masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan pada ketika ini ialah

seramai **2 kes**. Daripada jumlah tersebut, seorang masih dalam keadaan kritikal dan memerlukan bantuan mesin tambahan heart/lung machine (ECMO) dan mesin pernafasan. Manakala, satu kes aktif lagi adalah dalam keadaan yang baik.

7. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 28 sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 18,648 ujian.
8. Seterusnya, berikutan makluman mengenai *Bruhealth App*, Alhamdulillah setakat ini sejumlah 223,356 orang ramai telah mendaftar sebagai pengguna aplikasi tersebut. Disamping itu juga, sejumlah 3,563 syarikat dan premis telah mendaftar kepada aplikasi tersebut.
9. Sepertimana yang dimaklumkan pada sidang-sidang media yang lepas, InshaaAllah masjid-masjid akan dibukakan kepada orang ramai bagi menunaikan Solat Fardhu Jumaat pada 29 Mei 2020. Alhamdulillah, setakat ini kira-kira 29,944 orang ramai telah mendaftar dan membuat tempahan slot bagi Solat Fardhu Jumaat.
10. Sehubungan dengan ini, bagi memudahkan orang awam dalam tatacara penggunaan aplikasi BruHealth, beberapa inisiatif untuk

menunjuk ajar pendaftaran solat fardhu jumaat akan dilaksanakan oleh kakitangan dan sukarelawan-sukarelawan yang terdiri daripada Kementerian Kesihatan, pegawai-pegawai masjid, Persatuan Bulan Sabit Merah Brunei Darussalam, ahli jawatankuasa takmir masjid serta belia-belia masjid di masjid-masjid dan balai-balai ibadat bermula 9-11 pagi dan 1-3 petang pada esuk hari Khamis. Orang ramai bolehlah berkunjung ke masjid-masjid pada masa-masa tersebut untuk mendapat bantuan mengenai aplikasi tersebut. Bagi mereka yang menerima pencen, sukarelawan juga akan berada di tempat-tempat pembayaran pencen untuk mengajar mengenai aplikasi tersebut.

11. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi **BruHealth** atau **healthinfo.gov.bn**.

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 04 Syawal 1441H / 27 Mei 2020